

Warta 102 Konvo

Edisi 20 September 2025



**UiTM PEMACU
TRANSFORMASI**

**PENGHARGAAN
BUAT ALUMNI**

**IMPIAN MURNI
PEREKA FESYEN**

IMPIAN MURNI PEREKA FESYEN MUDA



oleh : Aidil Adha Abdullah

Dalam dunia fesyen tempatan yang semakin berkembang, nama Muhammad Isyraf Muhammad Nasir muncul sebagai antara wajah baharu yang sedang mencuri perhatian. Meskipun masih muda, graduan Kolej Pengajian Seni Kreatif ini telah melangkah jauh, menjadikan impian rekaan fesyen satu kenyataan dengan sentuhan kreatifnya kini menghiasi pentas selebriti tanah air.

Muhammad Isyraf merupakan graduan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Fesyen). Pada mulanya, cita-cita asalnya bukanlah untuk menjadi pereka fesyen, sebaliknya lebih berminat ke arah bidang reka bentuk dalaman.

Namun, selepas melalui pelbagai perbincangan dengan keluarga, beliau akhirnya memilih laluan fesyen dan tidak menoleh ke belakang sejak itu.

“Dulu tidak terfikir untuk masuk bidang ini. Namun sebaik sahaja mendalami bidang ini, keluarga mula mendorong saya,” katanya.

Seperti yang dialami ramai pereka muda sewaktu pengajian, Isyraf mengakui bidang ini bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan pelaburan masa dan wang yang besar.

“Masa untuk reka pun terhad. Nak siapkan baju, terutamanya waktu tahun akhir, memang sibuk sehingga tidak berkesempatan untuk rehat,” ujarnya.

Lebih mencabar, industri fesyen tidak mengenal waktu. Isyraf



Muhammad Isyraf

menyifatkan gaya kerja sebagai “24 jam”, di mana persiapan terakhir sebelum acara sering berlaku secara tergesa-gesa, khususnya untuk siaran langsung atau persembahan besar.

Walaupun baru sahaja menamatkan pengajian, Isyraf sudah menunjukkan prestasi luar biasa. Antara pencapaian membanggakan termasuk mereka busana untuk selebriti terkenal seperti Yuna, Aina Abdul, dan ikon muzik veteran Ziana Zain. Beliau juga pernah terlibat dalam pentas Kedah Fashion Week 2025, membuktikan kehadirannya yang semakin kukuh dalam industri.

“Saya tidak menyifatkan perkara ini sebagai pencapaian besar namun saya bersyukur dapat mereka baju untuk nama-nama besar itu pun satu penghargaan,” luahnya penuh rasa syukur.

Isyraf mementingkan kerjasama rapat dengan selebriti dalam menghasilkan rekaan. Setiap baju bermula dengan sesi perbincangan—daripada warna, aksesori, sehingga kepada tema dan cerita yang ingin disampaikan.

“Biasanya saya akan lakar dahulu dan berbincang. Kalau dia setuju, barulah saya mulakan pembuatan. Kadangkala sehingga sepuluh kali tukar lakaran,” tegasnya. Artis seperti Aina Abdul menjadi platform terbaik

baginya untuk bereksperimen. Beliau mengakui antara hasil paling memuaskan ialah rekaan yang dibuat untuk penyanyi berani fesyen itu.

Walaupun masih dalam proses mencari identiti penuh dalam rekaan, Isyraf cenderung kepada gaya *clean look* dan *structured*. Bagi beliau, rekaan bukan sekadar rupa, tetapi harus membawa mesej dan cerita tersendiri.

“Aina Abdul, contohnya, memang suka baju yang ada cerita. Bagi dia, baju itu perlu ada makna. Itu yang buat saya seronok untuk reka,” katanya.

Bagi Isyraf, ini baru permulaan. Dalam masa terdekat, beliau merancang untuk menyambung pengajian – sama ada dalam bidang fesyen atau bisnes – bagi mengukuhkan kemahiran dan persediaan membuka butik sendiri.

“Insya Allah nak sambung belajar dulu, sambil itu kembangkan jenama. Nanti ada studio sendiri,” ujarnya penuh semangat.

Buat mereka yang ingin menceburi bidang ini, Isyraf memberi nasihat yang jujur dan langsung iaitu perlu kuat dari segi mental dan fizikal. Hakikatnya, waktu kerja tidaklah menentu walhal di dunia fesyen yang memerlukan kepantasan dan tekanan tinggi.

Beliau juga menegaskan pentingnya memahami sensitiviti budaya dan agama, terutama sekali dalam mereka busana bagi selebriti muslimah.

Muhammad Isyraf ialah contoh jelas bagaimana dedikasi, kreativiti, dan semangat boleh membawa seseorang dari studio kecil di rumah ke pentas fesyen bersama nama-nama besar. Impiannya kini? Membuat busana untuk Dato’ Sri Siti Nurhaliza dan membawa rekaan ke pentas antarabangsa seperti Lisbon Fashion Week.



SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*